

27/07/2002

MCA, MIC akur permintaan Dr Mahathir

KUALA LUMPUR, Jumaat - MCA dan MIC, dua parti komponen Barisan Nasional (BN), akur dengan permintaan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya mereka menerima apa juga keputusan berhubung pengagihan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Parlimen pada pilihan raya umum akan datang.

Sambil menyifatkan permintaan Perdana Menteri, bagi kebaikan parti mereka percaya Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN akan membuat pembahagian kerusi, termasuk tambahan berikutan persempadanan semula kawasan pilihan raya, dengan adil.

Di JOHOR BAHRU, Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, percaya Dr Mahathir akan mengambil pendekatan munasabah dalam memutuskan perkara itu.

"Kita terima baik nasihat Dr Mahathir supaya parti komponen BN menerima keputusan yang dibuatnya berhubung pengagihan kerusi tambahan pada pilihan raya umum akan datang.

"Kita hormati nasihat itu dan percaya pengagihan kerusi DUN dan Parlimen itu dibuat secara adil," katanya selepas merasmikan Temasya Sukan Tahunan Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia di Stadium Larkin, di sini, hari ini.

Semalam, ketika menutup Konvensyen BN Negeri Johor di Stadium Tertutup Bandaraya, Perdana Menteri berkata, sebarang keputusan yang dibuatnya sebagai peneraju BN perlu diterima bagi kebaikan semua parti komponen kerana ia pasti dilakukan secara adil.

Dr Mahathir menjelaskan, beliau membuat rayuan awal mengenai perkara itu supaya apabila beliau sudah membuat keputusan selaku Pengerusi BN, semua dapat menerimanya.

"Katalah ada tambahan kerusi, mesti ada parti komponen BN yang tak akan dapat semua apa yang mereka hendak. Tapi tak adalah yang tak dapat langsung," katanya.

Samy Vellu yang juga Menteri Kerja Raya berkata, keputusan menentukan pengagihan kerusi baru DUN dan Parlimen terletak di tangan Dr Mahathir sebagai Pengerusi BN dan tidak ada pihak boleh mempertikaikannya.

"Pada masa itu, saya yakin Dr Mahathir akan membuat keputusan secara munasabah," katanya sambil berjanji akan akur apa juga keputusan Perdana Menteri berhubung pengagihan kerusi tambahan itu nanti.

Sementara itu, Naib Presiden MCA, Datuk Chua Jui Meng, menyifatkan nasihat Perdana Menteri itu sebagai amat baik dan dapat mengelakkan perebutan kerusi di kalangan parti komponen BN.

Beliau berkata, tindakan itu juga dapat memupuk semangat BN dengan adanya kepercayaan tinggi terhadap sistem sedia ada.

"Kita tahu keputusan pengagihan kerusi akan dibuat secara tertutup dan adil untuk semua parti berdasarkan kebijaksanaan pemimpin BN," katanya selepas merasmikan Minggu Kesedaran Kesihatan di Petaling Jaya, hari ini.